



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 NOVEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Rakyat dapat semula penjimatan subsidi



PENYASARAN semula subsidi sebagai inisiatif utama bagi memastikan keberkesanan pemberian bantuan kepada rakyat. — GAMBAR HIASAN

**KUALA LUMPUR** — Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan penjimatan hasil daripada pelaksanaan subsidi bersasar akan dipulangkan semula kepada rakyat.

Anwar berkata, langkah pengurangan subsidi itu perlu dilakukan bagi menanggung beban hutang negara yang tinggi.

Menurut beliau, penjimatan subsidi akan dipulangkan melalui peningkatan peruntukan untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

"Ini agak kontroversi, tapi kalau ikut jumlah subsidi tahun ini, tanpa langkah-langkah termasuk pengapungan ayam, ia akan mencecah RM81 bilion. Ini merupakan jumlah subsidi tertinggi yang diperkenalkan oleh mana-mana negara di Asia.

"Bagi negara dengan prinsip tatakelola dan pengurusan bertanggungjawab, ini tidak mampu diteruskan kerana tanggungan hutang dan beban hutang yang

tinggi," katanya di Dewan Negara semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau juga menumpukan kepada usaha menyasarkan semula subsidi elektrik mengikut tahap penggunaan.

"Ini juga menjadi isu kontroversi pada peringkat awal tapi ia dikenakan hanya pada peringkat tertinggi (T20) iaitu satu peratus dan 99 peratus lagi tidak dikenakan atau dikurangkan subsidi dan kadar bayaran tetap sama.

"Tapi, penjimatan tingkat tertinggi yang saya sebut untuk maha kaya, walaupun tidak disenangi sesetengah orang tapi maksud saya subsidi itu diberikan kepada golongan paling kaya. Ia tidak munasabah, patut diberi orang memerlukan," katanya.

Tambah Ahli Parlimen Tambun itu, apabila kerajaan melakukan penyasaran semula subsidi elektrik, ia menghasilkan penjimatan sebanyak RM4.6 bilion.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 NOVEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Nov	Melaka agih 1.96 juta peket minyak masak ber-subsidi sebulan	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/11/29/melaka-agih-1-96-juta-peket-minyak-masak-ber-subsidi-sebulan/">https://malaysiagazette.com/2023/11/29/melaka-agih-1-96-juta-peket-minyak-masak-ber-subsidi-sebulan/</a>	MALAYSIAGAZETTE
30-Nov	Melaka agih hampir dua juta peket minyak masak subsidi	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/637095/edisi/melaka-ns/melaka-agih-hampir-dua-juta-peket-minyak-masak-subsidi">https://www.sinarharian.com.my/article/637095/edisi/melaka-ns/melaka-agih-hampir-dua-juta-peket-minyak-masak-subsidi</a>	SH
30-Nov	KPDN bongkar aktiviti jual kasut tiruan dalam talian di Ampang	<a href="https://www.google.com/amp/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1183357/kpdn-bongkar-aktiviti-jual-kasut-tiruan-dalam-talian-di-ampang">https://www.google.com/amp/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1183357/kpdn-bongkar-aktiviti-jual-kasut-tiruan-dalam-talian-di-ampang</a>	BH
30-Nov	Premis jual kasut ber-jenama tiruan diserbu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1035507/premis-jual-kasut-berjenama-tiruan-diserbu">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1035507/premis-jual-kasut-berjenama-tiruan-diserbu</a>	HM
30-Nov	KPDN Melaka rekod 303 kes rampas RM1.6 juta barang	<a href="https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-rekod-303-kes-rampas-rm1-6-juta-barangan/">https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-rekod-303-kes-rampas-rm1-6-juta-barangan/</a>	MELAKAHARINI